



Robert A. Mundell menyampaikan syarahan bertajuk 'Exchange Rate Regimes and Economic Development'

# Syarahan Nobel Laureate Ekonomi

**SERDANG** (12 Julai) – Pemenang Nobel Laureate 1999 bidang Sains Ekonomi, Robert A. Mundell, menyampaikan syarahan awam bertajuk 'Exchange Rate Regimes and Economic Development' di Panggung Percubaan dekat sini baru-baru ini.

Profesor Ekonomi di Universiti Columbia, New York itu berjaya menarik minat audien terutama apabila menyentuh isu semasa ekonomi global termasuk isu mata wang Malaysia.

Beliau turut memberi pemahaman dan penghayatan mendalam mengenai mata wang negara dan selok-belok ekonomi negara. Selain itu, dalam syarahannya beliau banyak menyentuh berkenaan keduukan kewangan serta pembangunan ekonomi masyarakat khususnya di rantau Asia.

Ucapan ini ternyata mendapat sambutan yang sungguh menggalakkan. Kehadiran para pegawai dan mahasiswa yang berminat mengikuti ucapan tersebut di luar jangkaan.

Mereka saling bertukar pendapat semasa sesi soal-jawab pada penghujung sesi syarahan yang dipengerusikan oleh Profesor Dr. Samser Mohamad dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UPM.

Sudah pasti ini akan menjadi suatu aspek untuk melahirkan masyarakat berinformasi dan mengubah wajah masyarakat serta memudahkan pencapaian matlamat wawasan 2020. Masyarakat yang berpengetahuan luas dalam pelbagai bidang termasuk bidang ekonomi sangat diperlukan untuk sebuah negara demi mencapai kemajuan yang seimbang.